

# Kurangkan hantar pelajar ke negara bergolak

**Batu Pahat:** Kerajaan diminta mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara terutama di Timur Tengah dan negara bergolak seperti Mesir.

Naib Canselor Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) Datuk Dr Noh Dalimin berkata, jumlah penuntut Malaysia di luar negara perlu dikurangkan, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap universiti luar.

"Universiti di negara ini

mempunyai pelbagai kepakaran yang mampu disediakan untuk keperluan penuntut berkelayakan.

"Terdapat pelbagai kaedah jika mahu mengurangkan penuntut termasuk dengan menaik taraf fakulti utama seperti fakulti perubatan.

"Selain itu, kita juga boleh membawa masuk institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) luar negara ke negara ini. Contohnya, Universiti Nottingham dari United Kingdom (UK)," katanya.